

01/05/1997

Malaysia tidak akan ambil tindakan

PETALING JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap akhbar The Straits Times Singapura yang membuat analisis serta memberi gambaran buruk mengenai jenayah di Johor.

Perdana Menteri yang turut enggan mengulas lanjut laporan itu, bagaimanapun, mempersoalkan tindakan pemimpin Singapura menyalahkan calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong kerana mendedahkan affidavit yang dibuat oleh Menteri Kanan, Lee Kuan Yew.

Menurutnya, perkara itu bukan didedahkan oleh Tang sebaliknya peguamnya yang berbuat demikian.

"Kita nampak, sudahlah dia (Tang) kena denda berjuta-juta, sekarang ini nak tambah lagi. Tak payahlah ambil tindakan kepada orang ini, nampak teruk sangat.

"Sama ada dia dedah atau tidak perkara ini, dia sudah menyatakan kepada umum pendapat seorang pemimpin Singapura (pandangan Lee Kuan Yew terhadap Johor)," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Dialog Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 di Bandar Sunway di sini, hari ini.

Kelmarin, Mahkamah Tinggi Singapura memerintahkan supaya dua perenggan yang menghina Johor dalam affidavit Lee dikeluarkan daripada rekod mahkamah demi menjaga kepentingan hubungan Malaysia-Singapura.

Kenyataan Lee yang menyifatkan Johor sebagai negeri yang masyhur dengan tembak-menembak, samun dan rampas kereta itu menimbulkan kemarahan rakyat dan pemimpin Malaysia.

Bagaimanapun, pada hari yang sama dengan penarikan balik kenyataan itu, akhbar Singapura, The Straits Times menyiarkan analisis mengenai jenayah di Johor yang boleh menyebabkan pembaca menganggap Johor negeri tidak selamat.

Selain itu, ketika ditanya wartawan media asing sama ada Malaysia akan mencadangkan kepada Asean supaya Myanmar diterima anggota pertubuhan itu, Perdana Menteri berkata, Asean akan menerima Myanmar kecuali berlaku sesuatu yang luar biasa.

Menurutnya, pemimpin Asean sudah membuat komitmen di Jakarta iaitu jika Myanmar tidak diterima, Laos dan Kemboja juga tidak akan ditawarkan tempat dalam Asean.

"Dalam apa juga perkara, kita (Asean) bebas untuk membuat keputusan," katanya.

Mengulas kemungkinan Amerika Syarikat akan mengambil tindakan berikutan pendiriannya mahu Asean menolak kemasukan Myanmar, Perdana Menteri berkata, masalah akan tetap wujud.

Bagaimanapun, katanya, bukan semua pihak menyokong pendirian Amerika itu termasuk ahli perniagaannya.

(END)